

**Ucapan Profesor Dr Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka sempena Majlis Anugerah
Sukan 2008 jam 2.30 petang bertempat di Dewan Auditorium
Kampus Induk UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum wrt wbt dan salam sejahtera

YBhg Dato' Prof. Dr Mohd Nor bin Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

YBhg Datuk Prof. Madya Dr Abu Bakar Bin Mohamad Diah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

YBhg Profesor Dr Zolkepli bin Buang
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Yang Berusaha Tn. Hj Ismail Abd Jalil
Pengarah Pusat Sukan

Pegawai-Pegawai Kanan dan Staf-staf universiti

Hadirin dan hadirat yang dihormati

Bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya Majlis Anugerah Sukan UTeM 2008 ini dapat dilangsungkan pada petang ini. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Pusat Sukan dan Ahli jawatankuasa pelaksana yang berusaha mengadakan majlis ini.

Majlis pada petang ini amat signifikan dilaksanakan sebagai satu usaha untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat-penggiat sukan di UTeM, di samping ia dapat menggalakkan aktiviti-aktiviti sukan yang sudah tentunya akan memberi kebaikan dari segi kecerdasan fizikal, mental dan spiritual warga universiti.

Bukanlah matlamat utama bergiat cergas dalam aktiviti kesukanan untuk menjadi juara semata-mata, tetapi yang paling penting ialah mendorong semangat kesukanan itu sendiri. Aktiviti-aktiviti kesukanan dapat menerapkan semangat kerja berpasukan, meningkatkan semangat juang, meningkatkan ketahanan mental, menjalinkan silaturahim dan sebagainya yang boleh diaplikasikan dalam konteks kehidupan dan kerja kita secara khususnya.

Menyedari pentingnya aktiviti kesukanan ini dilaksanakan, maka pihak universiti telah menubuhkan Pusat Sukan pada 10 Disember 2007 yang bertujuan untuk merancang dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan sukan dengan lebih tersusun sebaik siapnya kompleks sukan UTeM. Ia diketuai oleh Pengarah Pusat Sukan dan beberapa staf lain seperti Pegawai Sukan, Penolong Pendaftar, Penolong Pegawai Sukan, Pembantu Belia dan Sukan, Juruteknik dan sebagainya.

Kompleks sukan UTeM dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang serba lengkap antaranya terdapat semua jenis gelanggang dan padang seperti padang hoki, ragbi, bola sepak, tenis, bola lisut, bola baling, bola tampar, bola jaring, badminton dan sebagainya di samping ia dilengkapi dengan stadium. Ini dapat menjadikan UTeM sebagai tempat melahirkan atlet yang cemerlang dalam lapangan sukan yang mereka wakili.

Hadirin dan hadirat yang dihormati

Sepanjang tahun 2008, UTeM telah berjaya merekodkan beberapa pencapaian yang membanggakan. Semasa menyertai Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-universiti di Malaysia kali ke 33 bertempat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), kita memenangi beberapa perlawanan iaitu antaranya emas bagi acara bola jaring yang merupakan kemenangan kali kelima pasukan ini iaitu untuk tahun 2003, 2004, 2005, 2007 dan 2008. Selain daripada itu di kejohanan ini juga UTeM berjaya memperoleh beberapa pingat lain iaitu Tenpin Bowling (gangsa) dan Olahraga (1perak dan 2 gangsa).

Kejayaan-kejayaan lain bagi tahun 2008 ialah UTeM berjaya menganjurkan Sukan MTUN pada Mei 2008 serta menjadi johan keseluruhan pertandingan yang julung kali diadakan. Untuk itu sebagai menghargai komitmen dan kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2008

ini, maka Majlis Anugerah Sukan yang berlangsung ini adalah satu hadiah dan tanda ucapan terima kasih kami kepada semua yang terlibat. Saudara-saudari telah membanggakan universiti dengan memberikan komitmen tinggi dan berjuang dengan semangat yang kental semasa membawa nama UTeM di kejohanan-kejohanan sukan sepanjang tahun 2008.

Tahun ini sukan MTUN akan berlangsung di Perlis dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan menjadi tuan rumah kejohanan bermula pada 31 Julai hingga 2 Ogos. Seramai 120 staf, 120 pelajar, 6 pasukan staf, 5 pasukan pelajar dan 3 pasukan gabungan staf dan pelajar akan menyertai kejohanan kali ini.

Saya amat mengharapkan semua atlet yang menyertai kejohanan ini akan mengekalkan kejayaan yang dicapai pada tahun lepas sebagai juara bertahan dan seterusnya berazam untuk menambah bilangan pingat pada kejohanan kali ini. Insyaallah saya yakin para atlet UTeM sudah bersedia menyahut cabaran saya ini.

Setiap kali kita menghantar atlet ke mana-mana kejohanan, mereka merupakan yang terbaik dan setiap dari mereka kita sandarkan harapan untuk mendapatkan emas. Walaupun nampak terlalu ideal tetapi itulah semangat yang perlu ada pada setiap atlet kita supaya ia menjadi perangsang kepada kita untuk menjadi juara. Kita perlu mempunyai semangat UTeM boleh!! Ia adalah kata azimat yang akan menjadikan kita pesaing terhebat kepada mana-mana universiti yang ditandingi.

Kalau kita menanamkan semangat untuk menjadi juara pada setiap kali kejohanan berlangsung, saya yakin dan percaya kita akan menjadi juara untuk mana-mana kejohanan sekalipun dan akan terus mempertahankan kejuaraannya untuk selamanya. Kita perlu terus berjuang dengan semangat kesukanan.

Ketepikanlah sebarang perbezaan pandangan dan pendapat semasa kita bertanding dan hilangkanlah semangat rendah diri yang ada pada kita, tetapi sebaliknya kita perlu sentiasa optimis dengan perkara yang kita lakukan. Atlet – atlet yang akan mewakili UTeM pada kejohanan ini

telah membuat persiapan yang rapi dengan latihan–latihan serta perlawanan persahabatan yang diadakan bertujuan untuk menguji kekuatan dan memperbaiki kelemahan. Untuk itu yakinlah anda mampu menjadi juara!

Namun begitu, saya juga amat mengharapkan supaya kita semua bersukan dengan semangat muhibah kerana tujuan kita menyertai kejohanan ini bukan kerana kemenangan semata-mata, tetapi juga untuk mengerat ikatan dan persefahaman antara warga dan anggota MTUN.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati

Seperkara lagi yang membanggakan UTeM dalam bidang sukan ialah apabila kita berjaya menganjurkan Sukan Intervarsity Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun lepas dan ia adalah kejohanan SUKMALINDO yang pertama diadakan. UTeM telah menjadi tuan rumah di samping sekretariat pada kejohanan ini.

Untuk menjayakan kejohanan ini, ia memerlukan perancangan dan penyelarasan yang rapi dari ahli jawatankuasa pelaksana, yang keseluruhannya adalah staf UTeM. Syabas dan tahniah kerana sekali lagi pada tahun ini pihak Kementerian Pengajian Tinggi terus menaruh kepercayaan kepada UTeM untuk menjadi sekretariat bagi menjayakan SUKMALINDO kedua yang akan berlangsung di Jakarta Indonesia.

Pada kejohanan Asean University Games (AUG) yang berlangsung pada Disember 2008 di Kuala Lumpur pula UTeM telah diberi kepercayaan mengetuai Jawatankuasa Sambutan dan Protokol kejohanan yang melibatkan semua negara-negara Asean, yang juga pada pandangan saya bukan satu tugas yang mudah apatah lagi ia memerlukan pengetahuan yang cukup luas dalam bidang upacara dan protokol. Alhamdulillah tugas ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya dan ini menunjukkan bahawa staf UTeM tidak sahaja berbakat sebagai atlet tetapi juga mampu untuk menjadi penganjur dan urusetia kepada kejohanan-kejohanan besar apabila diberi kepercayaan.

Pada tahun hadapan, UTeM dipertanggungjawabkan untuk menjadi sekretariat Jawatankuasa Penginapan dan Sajian Luar Perkampungan

SUKMA 2010 Melaka dan ia melibatkan kontinjen-kontinjen dari seluruh negara. Manakala itu, pada 2011 pula UTeM akan menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-universiti di Malaysia kali ke 36. Ini sudah tentu memerlukan semangat berpasukan yang jitu tidak sahaja dari kalangan para atlet tetapi juga semua staf yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa pelaksana. Di kesempatan ini saya menyeru supaya kita bersama-sama berazam untuk melaksanakan kejohanan ini sebagai yang terbaik. Untuk menjadikannya sebagai satu kenyataan maka ia memerlukan perancangan rapi daripada sekarang.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati

Anugerah yang disampaikan pada petang ini sebenarnya adalah kecil jika hendak dibandingkan dengan pengorbanan masa dan tenaga yang telah dicurahkan oleh para atlet, pengurus dan jurulatih yang terlibat. Sebenarnya setiap daripada anda yang mewakili universiti sama ada sebagai atlet atau sebagainya di mana-mana kejohanan-kejohanan sukan sudah dianggap juara. Menang atau kalah tidak penting kerana kesungguhan yang telah anda tunjukkan menjadi kebanggaan kami di UTeM.

Akhir kata saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Anugerah Sukan 2008 pada petang ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka yang memenangi anugerah pada majlis yang bermakna ini. Seterusnya saya menyeru kepada semua warga universiti untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat dengan memperuntukkan masa beriadah dan melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan. Majulah sukan untuk negara, majulah sukan untuk UTeM.

Sekian, wabilihitaufik wal hidayah asm wrt wbt dan terima kasih